

12 APR 1997

Muhammad-reaksi (Selangor)

BEBERAPA ADUN SELANGOR TERKEJUT MUHAMMAD LETAK JAWATAN

KLANG, 12 April (Bernama) -- Beberapa Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor termasuk dari daripada DAP berkata mereka terkejut dengan pengumuman peletakan jawatan oleh Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Anggota-anggota dewan dari Barisan Nasional berkata keputusan itu mengejutkan kerana tidak terdapat tanda-tanda Muhammad akan meletakkan jawatan walaupun beliau menghadapi kes mahkamah di Australia.

Wakil Paya Jaras Datuk Saidin Tamby yang dihubungi melalui telefon berkata beliau sangat terkejut mendengar pengumuman itu melalui berita radio tengah hari tadi.

"Selangor kehilangan seorang pemimpin yang dinamik dan berkaliber," kata Saidin yang mula menjadi anggota dewan itu bersama Muhammad pada tahun 1982.

Ketika ditanya mengenai mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan selama dua hari mulai Isnin ini, Saidin berkata persidangan boleh berjalan seperti biasa.

"Exco-exco yang ada boleh membawa rang undang-undang jika perlu...dijadualkan satu Rang Undang-undang Bekalan Air akan dibentangkan pada persidangan kali ini," katanya.

Bekas anggota dewan itu Dr Tan Seng Giaw dari DAP ketika dihubungi di rumahnya berkata beliau juga menganggotai Dewan Undangan Negeri bersama dengan Muhammad pada tahun 1982 dan kemudiannya menjadi ketua pembangkang sehingga 1995.

"Kita tidak boleh menjadi hakim terhadap kes beliau, kita tidak boleh katakan dia bersalah kecuali hanya mahkamah (memutuskannya)," kata Tan sambil menyifatkan peletakan jawatan itu sebagai satu perkara "malang".

Beliau berkata apa yang penting sekarang ialah sesama manusia tidak boleh menambahkan lagi masalah kepada kesusahan yang dihadapi oleh seorang manusia lain.

Ketika ditanya kenapa beliau bernada agak sentimental dalam memberikan komen, Dr Tan berkata: "Kita sama-sama orang lama, bahkan saya tidak pernahpun mengkritik beliau mengenai masalah peribadi yang dihadapinya dari dahulu hingga sekarang."

Anggota dari Damansara Utama Dr Oon Hong Geok juga dari DAP, berkata langkah Muhammad meletakkan jawatan tepat dan betul kerana sebagai seorang ketua kerajaan negeri dan penggubal undang-undang beliau sememangnya arif mengenai undang-undang dan tidak harus melanggar undang-undang negara lain.

"Dengan meletakkan jawatan, beliau mengakui telah melakukan kesilapan dan dengan pengakuan ini telah memberikan beliau sedikit integriti," katanya.

Dr Oon berkata DAP bercadang mengemukakan usul pada persidangan Dewan Undangan Negeri Isnin ini untuk menyatakan rakyat sudah hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Menteri Besar dan bercadang mendesak Muhammad meletakkan jawatan.

Menurutnya Badan Pencegah Rasuah (BPR) bagaimanapun masih perlu meneruskan siasatannya bukan saja terhadap Muhammad tetapi juga semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dan memberitahu rakyat gambaran sebenar jumlah kekayaan mereka.

"Kita bagaimanapun tidak menafikan bahawa Muhammad telah banyak

membangunkan Selangor sehingga menjadi negeri termaju," katanya.

Wakil Bandar Klang, Chua Kow Eng juga terkejut dengan peletakan jawatan Muhammad tetapi berkata ia merupakan langkah yang betul dan berharap penggantinya dilantik secepat mungkin untuk memastikan kelicinan pentadbiran kerajaan negeri.

Anggota Meru Encik Jaei Ismail pula berkata pengumuman mengejutkan itu menyebabkan anggota Umno seperti "kehilangan seorang bapa" dan rakyat kehilangan seorang pemimpin unggul dan berwibawa yang begitu banyak jasanya terhadap pembangunan negeri.

Wakil Bukit Lanjan Dr Pius Martin yang juga terkejut dan sedih kerana Muhammad seorang pemimpin yang rajin dan gigih bekerja membawa kemajuan dan kemakmuran kepada Selangor.

"Dalam keadaan yang dihadapinya, beliau telah membuat keputusan yang wajar meletakkan jawatan itu," katanya. -- BERNAMA

MNY KM MAI